

14 AUG 1996

Nik Aziz-Projek

KELANTAN POHON BANTUAN PUSAT BAGI INFRASTRUKTUR

KOTA BAHARU, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Kelantan telah meminta bantuan kerajaan pusat bagi melaksanakan beberapa projek infrastruktur yang penting bagi pembangunan negeri ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh khususnya untuk menarik pelabur.

Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata antara projek itu ialah pembinaan lebuh raya dan peningkatan taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra menjadi lapangan terbang antarabangsa.

"Permohonan ini saya sampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan saya dengannya di Kuala Lumpur semalam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Katanya beliau meminta supaya pembinaan lebuh raya menghubungkan Kelantan dengan negeri lain disegerakan terutama dari Besut (Terengganu) ke Kota Baharu yang menghubungkan Gua Musang-Jelawang dan Lojing (Kelantan) dengan Kuala Berang (Terengganu).

"Selain itu kerajaan pusat juga diminta membina jambatan di Dabong kerana keperluannya kini sungguh mendesak," katanya.

Permohonan kerajaan negeri itu dipercayai susulan kepada kenyataan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu pada Mac lepas yang mengumumkan cadangan kerajaan bagi membina lebuh raya kedua dari Pelabuhan Klang ke Terengganu bertujuan menggalakkan pengusaha tempatan menggunakan pelabuhan itu.

Mengenai langkah menaikkan taraf lapangan terbang itu, Nik Aziz berkata ia wajar bagi memudahkan masyarakat Kelantan dan penumpang lain untuk menaiki pesawat terus ke destinasi luar negara seperti Jepun, Vietnam dan Bangkok.

"Ia juga akan memudahkan rakyat negeri ini untuk ke Jeddah bagi menunaikan Haji tanpa perlu singgah di Kuala Lumpur," katanya.

Megenai reaksi kerajaan pusat berhubung permohonan kerajaan negeri itu, beliau berkata: "Saya kemukakan cadangan dan terpulanglah kepada kerajaan pusat...tetapi nampaknya respons (Dr Mahathir) bagus, Alhamdulillah."

Ketika ditanya sama ada beliau turut berkesempatan membincangkan perkembangan politik Kelantan dengan Perdana Menteri, Nik Aziz berkata: "Tak banyak, sikit-sikit, tapi rasanya dia (Dr Mahathir) lebih tahu." --
BERNAMA

RAR NMO